

# Isu Kemasukan Pekerja Asing Terhadap Kesejahteraan Hidup Masyarakat Malaysia

Noranifitri Md. Nor<sup>1\*</sup>, Harliana Halim<sup>1</sup>, Siti Sarawati Johar<sup>1</sup>, Nur Azah Razali<sup>1</sup>

<sup>1</sup> *Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA*

\*Corresponding Author: [norani@uthm.edu.my](mailto:norani@uthm.edu.my)  
DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.02.002>

## Article Info

Received: 21 October 2023  
Accepted: 22 October 2023  
Available online: 30 November 2023

## Kata Kunci

Kemasukan, Pekerja Asing, Kesejahteraan hidup, Malaysia

## Abstrak

Pekerja asing merupakan sumber manusia yang diperlukan bagi memenuhi kekosongan yang wujud dalam pelbagai sektor pekerjaan di Malaysia. Saban tahun, kehadiran pekerja asing di Malaysia menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Isu-isu berkaitan pekerja asing sering dipaparkan dalam media-media sosial. Negara menerima jumlah kehadiran pekerja asing yang tidak terkawal. Hal ini memberikan impak kesejahteraan hidup kepada masyarakat Malaysia. Dasar pembangunan sesebuah negara, termasuk Malaysia adalah pada akhirnya untuk mewujudkan kesejahteraan hidup masyarakat. Pembangunan ekonomi mahupun pembangunan sektor-sektor lain selalunya melibatkan sumber tenaga manusia sebagai agen pembangunan. Masyarakat berfungsi sebagai tenaga kerja atau pekerja dalam sesuatu bidang atau sektor. Sekiranya masyarakat itu dapat memperoleh pekerjaan, maka hal ini akan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Namun, atas faktor-faktor tertentu kebanyakan daripada pekerjaan yang wujud dalam sektor-sektor tertentu dipenuhi oleh tenaga kerja asing. Dewasa ini, media sering memaparkan isu-isu yang berkaitan dengan pekerja asing. Saban tahun, kehadiran pekerja asing ke Malaysia menunjukkan peningkatan dan bilangan yang tidak terkawal. Negara dibanjiri pekerja asing yang terlibat dalam pelbagai sektor pekerjaan. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan kebanjiran pekerja asing terhadap kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia melalui kaedah kepustakaan.

## 1. Pengenalan

Pekerja asing atau pekerja bukan warganegara merupakan seseorang yang meninggalkan tempat tinggal yang kebiasaannya untuk bekerja dan berkhidmat di negara lain samada sebagai seorang pekerja atau majikan di negara tersebut. Pekerja asing yang datang ke negara Malaysia saling berkaitrapat dengan migrasi. Menurut Majlis Keselamatan Negara 2023, migrasi boleh ditafsirkan sebagai pergerakan penduduk yang berlaku buat beberapa ketika bergantung kepada lama masa yang diambil sama ada dalam jangka masa panjang atau pendek dan sebagai pemindahan seseorang individu melintasi sempadan kawasan. Migrasi juga didefinisikan sebagai perubahan kekal penduduk dan mengkategorikan migrasi antarabangsa kepada tetap (permanent) termasuk 'family reunion', pekerja kontrak sementara (temporary contract workers) yang menetap untuk satu tempoh di mana pekerja dalam kategori ini termasuklah pekerja separuh mahir dan tidak mahir, pekerja professional dan mahir yang bekerja, pekerja tidak sah, orang ramai yang mencari perlindungan politik dan pelarian.

Terdapat pelbagai faktor yang memungkinkan migrasi ini berlaku. Faktor yang menyebabkan pekerja asing bekerja di negara lain adalah kerana peluang pekerjaan yang wujud dan kemahiran mereka sangat diperlukan di negara tersebut. Malaysia tidak lari dengan kehadiran pekerja asing dalam pelbagai sektor pekerjaan. Saban tahun kehadiran pekerja asing semakin meningkat dan menimbulkan pelbagai reaksi dari semua pihak. Tidak dinafikan kehadiran mereka memberikan manfaat, namun lambakan kehadiran dan kemasukan pekerja asing ini menimbulkan isu dan memberi implikasi kepada masyarakat.

## 2. Kemasukkan Pekerja Asing


Kemasukan pekerja asing saban tahun ke Malaysia menunjukkan jumlah yang banyak. Berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah warga asing yang berada di dalam negara pada tahun 2021 ialah seramai 2.69 juta orang yang mewakili 8.2% daripada keseluruhan penduduk Malaysia iaitu seramai 32.66 juta orang. Pekerja asing dilihat sebagai faktor yang merancakkan ekonomi negara namun penggajian pekerja asing yang tidak terkawal boleh memberi impak yang negatif bukan sahaja terhadap masyarakat malah mengancam keselamatan negara. Isu ini perlu diperhalusi kerana Malaysia telah menjadi tumpuan negara destinasi bagi pekerja-pekerja asing di rantau ASEAN. Menurut laporan International Labour Organisation (ILO), migrasi buruh di antara negara-negara ASEAN telah meningkat dari 1.5 juta kepada 6.5 juta orang. Malaysia adalah antara negara yang menerima pekerja asing yang tinggi iaitu sebanyak 61.2% daripada jumlah keseluruhan.

Sehingga tahun 2023, dikatakan bahawa kadar kebergantungan pekerja asing di Malaysia menunjukkan peratusan 9.1 peratus dan dianggap terkawal. Namun, Malaysia memerlukan tambahan tenaga kerja asing seramai 540,363 orang atau 27 % daripada keperluan pekerja asing negara bagi mengisi enam sektor pekerjaan. (Berita Harian Online, 2023).


Berdasarkan data yang diperoleh dari Jabatan Imigresen Malaysia 2022, statistik menunjukkan kemasukan pekerja asing ke Malaysia mengikut negara bagi tahun 2019 hingga 2022 dapat dilihat menerusi rajah 1 hingga 5 di bawah:



Rajah 1 Statistik Pekerja Asing Aktif mengikut Negara 2018



Rajah 2 Statistik Pekerja Asing Aktif mengikut Negara 2019



**Rajah 3** Statistik Pekerja Asing Aktif mengikut Negara 2020



**Rajah 4** Statistik Pekerja Asing Aktif mengikut Negara 2021



**Rajah 5** Statistik Pekerja Asing Aktif mengikut Negara 2022

Statistik pekerja asing mengikut negara bagi lima tahun dari tahun 2018 hingga 2022 menunjukkan jumlah kehadiran pekerja asing mempunyai variasi kadar peningkatan dan penurunan. Pada tahun 2018, kehadiran pekerja asing adalah 1982798 orang, tahun 2019 menunjukkan kadar peningkatan kehadiran pekerja asing sebanyak 16753 orang kepada 1999551 orang. Pada tahun 2020, kadar kehadiran pekerja asing menunjukkan penurunan kepada 1545095 orang dan terus menurun kepada 1171909 orang pada tahun 2021. Penurunan kehadiran pekerja asing kemungkinan besar disebabkan oleh wabak covid-19 yang melanda dunia. Pada tahun 2022, kehadiran pekerja asing ke Malaysia menunjukkan peningkatan ketara iaitu 1303398 orang.

### 3. Kesejahteraan Hidup Masyarakat

Di Malaysia, kesejahteraan hidup masyarakatnya diukur berdasarkan indeks kesejahteraan rakyat Malaysia atau lebih dikenali sebagai IKRM. Ia melibatkan dua perkara iaitu kesejahteraan dari segi ekonomi. Kesejahteraan ekonomi terdiri daripada lima komponen iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan dan persekitaran kerja. Kesejahteraan sosial pula merangkumi sembilan komponen iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga.

Elemen kesejahteraan hidup masyarakat yang berkait dengan pekerjaan dan pekerja asing dapat dilihat dari segi pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja dan keselamatan awam. Pendapatan dan pengagihan bermaksud pendapatan kasar atau pendapatan per kapita telah digunakan sebagai proksi bagi mencerminkan kebajikan atau taraf hidup. Pendapatan membolehkan individu menampung perbelanjaan bagi diri serta keluarga mereka manakala agihan pendapatan pula menggambarkan kesaksamaan dan pengagihan sumber ekonomi. Persekitaran kerja pula dapat dilihat dari segi kadar pengangguran.

Pengangguran menurut ILMIA 2017 adalah penduduk yang berumur dalam lingkungan 15-64 tahun dalam kategori guna tenaga yang bersedia dan masih aktif mencari kerja lagi. Kadar pengangguran pula bermaksud jumlah penganggur berbanding dengan jumlah tenaga dalam konteks peratusan. Elemen seterusnya adalah persekitaran kerja. Persekitaran kerja adalah penting memandangkan pekerjaan merupakan sumber pendapatan yang dapat menyumbang kepada taraf dan kualiti hidup masyarakat. Seterusnya elemen keselamatan awam iaitu mengambil kira dari perspektif jenayah yang berlaku di negara kita. Keselamatan awam adalah penting bagi menjamin keamanan dan kestabilan sosial (Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999).

### 4. Kesan Kehadiran Pekerja Asing terhadap Kesejahteraan Hidup Masyarakat Malaysia

Kehadiran pekerja asing ke Malaysia secara tidak terkawal memberikan kesan kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Kesan ketara dapat dilihat dari aspek peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat terjejas disebabkan oleh skop pekerjaan yang sepatutnya dipenuhi oleh pekerja tempatan, namun kini dipenuhi oleh pekerja-pekerja asing. Majikan di Malaysia lebih memilih pekerja asing kerana upah dan gaji yang diberikan kepada pekerja asing adalah lebih rendah berbanding upah dan gaji yang perlu diberikan kepada pekerja tempatan. Hal ini memberikan kesan kepada pendapatan pekerja tempatan. Jika dilihat dari segi bilangan penganggur menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2023), jumlahnya mencecah 596.1 ribu orang iaitu kadar pengangguran adalah sebanyak 3.6 peratus. Ini menunjukkan ramai lagi masyarakat Malaysia yang masih mencari pekerjaan dan sedang menganggur.

Kehadiran pekerja asing turut memberikan kesan dari aspek keselamatan dan kesihatan dalam negara. Kebebasan pekerja asing bergerak tanpa pengawasan majikan menyebabkan jenayah berlaku dan potensi kepada peningkatan masalah kesihatan dari segi penyakit berjangkit. Berdasarkan data yang diperolehi daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), terdapat sebanyak 42,451 kes jenayah yang dilakukan oleh warga asing dari tahun 2016 hingga Ogos 2019. Kes-kes jenayah yang melibatkan warga asing antaranya kes kecurian (12647 kes), kes pecah rumah dan curi (11,862 kes) serta kecurian motosikal (4882 kes). Jumlah yang dinyatakan ini adalah sangat tinggi dan membimbangkan semua pihak di negara kita.

Peningkatan masalah kesihatan dari segi penyakit berjangkit yang dibawa oleh pekerja asing adalah disebabkan oleh pekerja asing yang tidak mengambil vaksin. Antara penyakit berjangkit yang dibawa oleh pekerja asing adalah seperti tibi dan sebagainya. Sistem kawalan pekerja asing di Malaysia masih kurang cekap dan tidak dilaksanakan dengan teratur terutamanya melibatkan pemeriksaan kesihatan. Menurut kajian Mohd Faisal dan Mohd Iqbal 2022, seramai 41,607 orang daripada 1.53 juta orang pekerja asing gagal pemeriksaan kesihatan walaupun seramai 17,520 orang telah lulus pemeriksaan kesihatan di negara asal. Daripada jumlah itu, seramai 7,197 orang didapati menghidap penyakit Tuberculosis dan 1,752 orang menghidap penyakit Hepatitis B. Menurut laporan tersebut juga, seramai 1,013 orang pekerja asing gagal pemeriksaan kesihatan, namun telah mendapat Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) yang turut terdiri daripada 734 orang menghidap penyakit Tuberculosis dan 11 orang menghidap penyakit Hepatitis B. Ini menunjukkan potensi penularan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh kemasukan pekerja asing ke Malaysia adalah sangat tinggi dan angka-angka yang ditunjukkan adalah sangat membimbangkan.

### 5. Cadangan Pelaksanaan Mengatasi Kehadiran Pekerja Asing

Ironinya, cadangan yang bersesuaian perlu dilaksanakan pada semua peringkat untuk mengatasi kehadiran pekerja asing yang tidak terkawal di negara kita. Antaranya Pihak kerajaan perlu mengehadkan kemasukan pekerja asing dengan memberikan sokongan sepenuhnya kepada syarikat-syarikat yang mengambil pekerja dikalangan pekerja tempatan. Kerajaan tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mengambil pekerja asing

secara berlebih-lebihan tanpa melihat kepada keperluan dalam bidang atau sektor pekerjaan yang ada di Malaysia.

Seterusnya, penggunaan automasi dan mekanisasi menggalakkan peningkatan penggunaan mesin berteknologi tinggi yang boleh dikendalikan oleh pekerja-pekerja tempatan yang mempunyai kepakaran dalam kemahiran tertentu. Jabatan tenaga Kerja Malaysia perlu menggiatkan usaha untuk melatih pekerja-pekerja tempatan dengan memberikan latihan dan kursus yang berkaitan dengan bidang-bidang tertentu bagi menggalakkan pekerja tempatan bekerja dengan cemerlangnya.

Rakyat Malaysia juga perlu meningkatkan kemahiran dan kepakaran mereka dalam pelbagai bidang agar peluang-peluang pekerjaan yang ada boleh dipenuhi tanpa sebarang alasan.

## 6. Kesimpulan

Semua pihak harus berganding bahu menggembeng tenaga untuk mengatasi perkara ini supaya kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia sentiasa terbela. Keutamaan pengambilan pekerja tempatan perlu diberi fokus dalam menangani isu-isu berkaitan kesejahteraan hidup masyarakat. Hal ini dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat Malaysia sekaligus menjadikan negara sebagai sebuah negara yang maju dengan sokongan rakyat tempatan sepenuhnya.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) nombor: FRGS/1/2019/SS06/UTHM/03/1 kerana membiayai projek ini.

## Rujukan

- [1] Alaloul, W. S., Musarat, M. A., Liew, M., Qureshi, A. H., & Maqsoom, A. (2021). Investigating The Impact of Data.Gov.My/ Jabatan Imigresen Malaysia 2022.
- [2] Mohd Faisal Anuar & Mohd Ikbal Mohd Huda (2022). Implikasi Dasar Pengurusan Warga Asing Di Malaysia. Special Issue: Vol. 19. No.2 (2022) 71-95. ISSN: 1823-884x. Journal of Social Sciences and Humanities.
- [3] Kenyataan Media Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2021. Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- [4] Kenyataan Media Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Januari 2023, Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia
- [5] Portal Rasmi Institut Maklumat Dan Analisis Pasaran Buruh (Ilmia) 2017.
- [6] Kes Jenayah Melibatkan Warga Asing diakses melalui <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-42000-kes-jenayah-melibatkan-warga-asing-direkod-sejak-2016-220154> pada 1/10/2023.